

**PERATURAN PERTANDINGAN PENCAK SILAT  
SUKAN SABAH (SAGA) XI, TAWAU 2025  
(LELAKI DAN WANITA)**

**1.0 PERATURAN AM**

- 1.1. Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut undang-undang dan Peraturan Pertandingan Silat yang dikeluarkan oleh **Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (PERSILAT) Tahun 2023 Versi (7) Oktober 2023** dan pindaan yang diluluskan oleh **Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA)**.
- 1.2. Mana-mana pasukan atau atlet yang mencetuskan/memulakan pergaduhan semasa pertandingan dijalankan atau dalam kejohanan **Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025** ini, maka pasukan atau atlet tersebut akan menghadapi tindakan seperti:
  - 1.2.1 Digantung kelayakan untuk menyertai kejohanan Sukan Sabah (SAGA) XI, 2025 atau;
  - 1.2.2 Penyertaan atlet atau pasukan tersebut akan dibatalkan serta merta atau;
  - 1.2.3 Bagi yang melibatkan pingat, akan menyebabkan pungutan pingat tersebut ditarik balik atau;
  - 1.2.4 Mana-mana satu daripada tindakan yang akan dikenakan tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025.
- 1.3. Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:
  - 1.3.1 Semua kejadian am akan diputuskan berasaskan kepada **Peraturan Am Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025**.
  - 1.3.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasaskan kepada **undang-undang dan Peraturan Pertandingan Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (PERSILAT)**.
  - 1.3.3 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Pencak Silat Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025 adalah muktamad.

**2.0 TARIKH PERTANDINGAN DAN TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN**

- 2.1 Taklimat Pengurus Pasukan : **09 Oktober 2025**.
- 2.2 Pertandingan ini akan bermula pada **10 hingga 17 Oktober 2025**.

**3.0 TEMPAT PERTANDINGAN**

- 3.1 Pertandingan ini akan diadakan di **Dewan Masyarakat Tawau**.

**4.0 PENYERTAAN**

- 4.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua daerah seluruh Sabah. Penyertaan hendaklah dibuat melalui daerah masing-masing.

- 4.2 **Atlet dari daerah lain tidak boleh dan tidak sah bertanding bagi mewakili daerah lain KECUALI** atlet yang **TIDAK** didaftarkan oleh Kontinjen/Daerah asal, boleh didaftarkan di Kontinjen/Daerah lain (**Peraturan Am Perkara 4.8.1**)
- 4.3 Setiap kontingen hanya boleh mendaftarkan satu (1) pasukan Putera dan satu (1) pasukan Puteri yang terdiri daripada:

	<b>Pasukan Putera</b>	<b>Pasukan Puteri</b>
Pengurus Pasukan	1 orang	-
Jurulatih	2 orang	1 orang
Silat Olahraga	<b>12 orang</b>	<b>6 orang</b>
Silat Seni	7 orang	7orang
<b>Jumlah</b>	<b>21 orang</b>	<b>14 orang</b>

## 5.0 KELAYAKAN PESERTA & JURULATIH

- 5.1 Hanya peserta yang lahir antara tahun **2005 hingga 2009** dan selepasnya sahaja yang layak didaftarkan oleh sesuatu pasukan.
- 5.2 Semua pasukan hendaklah mengemukakan salinan Kad Pengenalan dan gambar berukuran Pasport semasa pendaftaran peserta.
- 5.3 Sebarang pertukaran peserta/atlet atau pindaan/pertukaran kategori perlu mengisi **Borang Y** (pertukaran atlet) dan dihantar kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan sebulan sebelum kejohanan bermula.
- 5.4 Pendaftaran dan kelayakan peserta adalah tertakluk kepada **Peraturan Am Perkara 4.8 dan 4.9**.
- 5.5 **Jurulatih Pasukan Silat Daerah perlu memiliki sekurang-kurangnya sijil Skim Pensijilan Kejurulatihan Kebangsaan (SPKK) Tahap 1 sukan Pencak Silat atau memiliki dan aktif Lesen C sukan Pencak Silat.**

## 6.0 MESYUARAT PENGURUS PASUKAN

- 6.1 Mesyuarat Pengurus Pasukan akan diadakan satu (1) hari sebelum pertandingan pertama dijalankan.
- 6.2 Pengurus-pengurus Pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama peserta bersama dengan Kad Pengenalan yang asal untuk disahkan. **Tambahan kepada bilangan peserta yang telah didaftarkan tidak dibenarkan.**
- 6.3 Senarai peserta yang disahkan semasa Taklimat Pengurus Pasukan adalah muktamad.

## 7.0 KELAS- KELAS YANG DIPERTANDINGKAN

### 7.1 Kategori Putera:

<b>Silat Olahraga</b>		
<b>1.</b>	<b>Kelas Bawah 45kg</b>	
2.	Kelas 'A'	45 kg – 50 kg
3.	Kelas 'B'	50 kg – 55 kg
4.	Kelas 'C'	55 kg – 60 kg
5.	Kelas 'D'	60 kg – 65 kg
6.	Kelas 'E'	65 kg – 70 kg
7.	Kelas 'F'	70 kg – 75 kg
8.	Kelas 'G'	75 kg – 80 kg
9.	Kelas 'H'	80 kg – 85 kg
10.	Kelas 'I'	85 kg – 90 kg
11.	Kelas 'J'	90 kg – 95 kg
<b>12.</b>	<b>Kelas Bebas 1</b>	<b>Melebihi 95kg-110 kg</b>

<b>Silat Seni</b>	
11.	Solo (Bebas)
12.	Solo (Jurus Tunggal Baku)
13.	Tempur (Ganda)
14.	Jurus Wajib (Regu)

### 7.2 Kategori Puteri:

<b>Silat Olahraga</b>		
<b>1.</b>	<b>Kelas Bawah 45kg</b>	
2.	Kelas 'A'	45 kg – 50 kg
3.	Kelas 'B'	50 kg – 55 kg
4.	Kelas 'C'	55 kg – 60 kg
5.	Kelas 'D'	60 kg – 65 kg
6.	Kelas 'E'	65 kg – 70 kg
<b>Silat Seni</b>		
7.	Solo (Bebas)	
8.	Solo (Jurus Tunggal Baku)	
9.	Tempur (Ganda)	
10.	Jurus Wajib (Regu)	

## 8.0 PEMERIKSAAN KESIHATAN

- 8.1 Semua Pesilat mestilah disahkan sihat dan layak bertanding oleh Pegawai Perubatan. Pemeriksaan kesihatan perlu dibuat di daerah masing-masing dan **kos pemeriksaan adalah dibawah tanggungan kontinjen masing-masing.**
- 8.2 Surat akuan sihat, cergas dan layak bertanding bagi tiap-tiap Pesilat hendaklah dikemukakan kepada Urusetia Kejuaraan Silat Olahraga Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025 ketika mendaftar.
- 8.3 Pesilat yang tidak mengemukakan surat akuan sihat, cergas untuk bertanding daripada Pegawai Kesihatan tidak layak menyertai pertandingan ini.

## 9.0 TIMBANGAN

- 9.1 Semua Pesilat hendaklah ditimbang dan direkod berat badannya bagi menentukan kelas pertandingan.
- 9.2 Pada setiap penimbangan, berat badan mesti berada di dalam kelasnya dengan memakai pakaian seperti berikut:
- 9.3 Memakai pakaian silat lengkap sahaja tanpa menggunakan *body protector*, pelindung kemaluan, pelindung sendi, tungkai dan lengan ketika timbangan rasmi.
- 9.4 Atlit diberi pilihan untuk menanggalkan semua pakaian silat sebelum meneruskan timbangan dan tuala/kain sarung disediakan oleh pengurus pasukan masing-masing. Bilik berasingan disediakan untuk menjalankan penimbangan.
- 9.5 Tiada toleransi berat badan diberikan kepada atlit dan tiada toleransi masa setelah panggilan timbangan dibuat.
- 9.6 Timbangan hanya dibuat sekali dan disaksikan oleh kedua-dua pasukan dan pegawai teknikal timbangan yang ditugaskan. Borang timbangan wajib ditandatangani oleh kedua-dua pengurus dan pegawai teknikal bertugas.
- 9.7 Ketika bertanding, Pesilat Putera/Puteri menggunakan perlindungan kemaluan dari bahan plastik, yang disediakan oleh pasukan masing-masing.
- 9.8 Pelindung sendi, tungkai dan lengan diperkenankan satu lapis dengan ketebalan tidak lebih 1 cm dan dibuat dari bahan yang tidak keras.
- 9.9 Dibenarkan menggunakan *joint Taping* dan menggunakan pelindung gigi.
- 9.10 Semua Pesilat perlu menjalankan timbang-ulang sekurang-kurangnya satu (1) jam sebelum permulaan pertandingan pada setiap hari pertandingan. Sekiranya atlit gagal hadir sesi penimbangan dikira diskualifikasi.
  - 9.10.1 Toleransi berat badannya adalah seperti berikut:
  - 9.10.2 Tiada Toleransi Berat Badan.

## 10.0 PAKAIAN SILAT

- 10.1 Semasa bertanding:
  - 10.1.1 Setiap Pesilat hendaklah memakai pakaian seragam silat berwarna hitam dengan potongan Melayu.
  - 10.1.2 Setiap Pesilat hendaklah memakai pelindung badan.
  - 10.1.3 Setiap Pesilat hendaklah memakai pelindung kemaluan yang diperbuat daripada bahan plastik.
  - 10.1.4 Pelindung sendi yang nipis (tiada *sponge*) hanya satu lapis sahaja dengan bersesuaian pada fungsinya. Pelindung sendi dibenar dengan kelulusan PESAKA Malaysia.

- 10.1.5 Semua pesilat yang menyertai pertandingan Silat Seni (Tunggal dan Regu) diWAJIBkan memakai pakaian sepertimana Peraturan PERSILAT Tahun **2022 Versi (7) Oktober 2023**.
- 10.1.6 Pakaian untuk Kategori Ganda dan Solo Kreatif adalah mengikut pilihan masing-masing tetapi mestilah bercirikan pakaian Melayu Nusantara sepertimana Peraturan PERSILAT Tahun **2022 Versi (7) Oktober 2023**.

## 11.0 KAEDAH PERTANDINGAN

### 11.1 Silat Olahraga (Tanding):

- 11.1.1 Pertandingan ini dijalankan mengikut **Undang-Undang Dan Peraturan Pertandingan Silat Yang Dikeluarkan Oleh Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (PERSILAT) Tahun 2023 Versi (7) Oktober 2023** dan pindaan yang diluluskan oleh Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA).
- 11.1.2 Pertandingan akan dijalankan secara Kalah-Mati dan setiap perlawanan akan mengandungi tiga (3) pusingan. Tempoh setiap pusingan adalah dua (2) minit dan masa rehat di antara pusingan adalah satu (1) minit.
- 11.1.3 Setelah Pesilat disahkan layak bertanding dalam kes yang ditentukan mengikut berat badannya, maka ia akan diundi menentukan jadual perlawanan dalam kes itu.
- 11.1.4 Semua Pesilat hendaklah melaporkan diri di gelanggang pertandingan iaitu tiga puluh (30) minit sebelum pertandingan dimulakan. Jika gagal hadir selepas panggilan yang ketiga oleh Ketua Pertandingan, peserta yang berkenaan akan dikira kalah dan kemenangan akan diberi kepada pihak lawannya.

### 11.2 Silat Seni

- 11.2.1 Pertandingan ini dijalankan mengikut **Undang-Undang Dan Peraturan Pertandingan Silat Yang Dikeluarkan Oleh Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (PERSILAT) Tahun 2023 Versi (7) Oktober 2023** dan pindaan yang diluluskan oleh Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA).
- 11.2.2 **Peragaan Silat Seni bagi semua kategori akan bermula di peringkat kumpulan/pool (2 kumpulan), Juara 1 hingga 4 setiap kumpulan akan ke peringkat Suku Akhir seterusnya akan dilakukan pengundian untuk menentukan lawan secara kalah mati.**
- 11.2.3 Masa Peragaan Setiap Kategori:-  
Bagi kategori Jurus Tunggal, Ganda dan Regu masa peragaan adalah seperti berikut ;
- Masa rasmi peragaan adalah Tiga (3) Minit.
  - Bagi kategori Solo Kreatif masa peragaan adalah satu (1) hingga tiga (3) minit.

- Setiap peserta yang telah mendapat undian untuk memperagakan permainan tetapi tidak / gagal hadir setelah panggilan ketiga oleh Ketua Pertandingan maka akan dikira undur diri kecuali terdapat masalah atau kesilapan teknik atau kesilapan Pihak Penganjur atau Pegawai Teknikal maka Pihak Penganjur atau Pegawai Teknikal boleh membuat keputusan untuk kebaikan kedua pihak tetapi sekiranya kategori yang dipertandingkan itu berakhir dan keputusan telah dibuat maka keputusan tersebut tidak boleh dipertikai dan adalah MUKTAMAD.

#### 11.2.4 Sinopsis Permainan :-

- Pengurus Pasukan atau Jurulatih Pasukan diminta untuk mengemukakan sinopsis permainan pesilat mereka sekiranya ada berlaku jatuhan senjata yang telah dirancang kepada Ketua Pertandingan dengan mengisi borang sinopsis yang disediakan oleh Pihak Penganjur.

#### 11.2.5 Jatuhan Senjata dan Aksesori

- Bagi kategori Jurus Tunggal, Ganda, Solo Kreatif sekiranya senjata yang digunakan oleh pesilat tersebut jatuh dan bukan seperti yang dinyatakan dalam borang sinopsis yang dikemukakan oleh Pengurus atau Jurulatih Pasukan maka akan ditolak markah.
- Dalam aspek aksesori jatuh bagi kategori Ganda adalah dimaafkan seperti kejatuhan Tengkolok. Untuk Kategori Jurus Tunggal, Regu dan Solo Kreatif akan ditolak markah bagi setiap kejatuhan aksesori.

#### 11.2.6 Senjata :-

##### **Kategori Jurus Tunggal**

- Pisau Panjang (Golok atau Parang) berukuran 30cm - 40cm panjang dan 2.5cm - 4 cm lebar.
- Toya / Tongkat (rod) diperbuat daripada rotan berukuran panjang 150cm -180cm dan berdiameter 2.5cm - 3.5cm.

##### **Kategori Ganda**

- Disamping senjata yang sama spesifikasinya seperti Jurus Tunggal (Pisau Panjang / Golok dan Toya / Tongkat (2 Jenis Senjata), bagi kategori Ganda, diWAJIBkan menambah satu lagi senjata nusantara iaitu pilihan daripada 15 senjata seperti Keris, Pisau, Celurit dan Tekpi seperti yang dinyatakan di dalam Peraturan PERSILAT, Tahun **2023 Versi (7) Oktober 2023**.
- Pihak Pengurus Pasukan atau Jurulatih hendaklah mengemukakan senjata dan mendapat pengesahan / pengiktirafan taraf senjata tersebut daripada Ketua Pertandingan atau secretariat pertandingan Silat Seni sekurang-kurangnya 30 minit sebelum acara dimulakan. Senjata yang sudah diperiksa dan diperakui akan dikuarantin dan hanya akan digunakan mengikut giliran yang telah

ditetapkan. Sebarang diskualifikasi kelayakan senjata tertakluk dengan peraturan versi 7 2023.

- Pertandingan Kategori Ganda hendaklah mengikut Peraturan PERSILAT, penggunaan senjata wajib golok dan toya/tongkat dan penambahan senjata nusantara seperti dalam senarai buku peraturan versi 7 2023.
- Penggunaan senjata waktu permainan / pertempuran, dibenarkan menggunakan dua senjata yang sama seperti golok berkembar dan berlanggar serta menimbulkan percikan api. Walaubagaimanapun bilah senjata perlu tumpul, mengikut dimensi yang ditetapkan dan melepasi pemeriksaan senjata oleh teknikal pertandingan. Pertandingan dimulakan dengan teknik tangan kosong dahulu.

#### **Kategori Solo Kreatif**

- Senjata bagi Solo Kreatif ialah bebas mengikut pilihan peserta dan mestilah senjata Melayu Nusantara dan mestilah yang asli.
- Atlet menggunakan minimum 3 jenis senjata. Jenis senjata yang digunakan adalah 3 jenis daripada 15 jenis senjata pilihan yang ada, termasuk golok dan toya. Penggunaan senjata berkembar dikira sebagai satu jenis senjata dari jenis yang sama. Pertandingan dimulakan dengan teknik tangan kosong dahulu.

## **12.0 PENGADIL-PENGADIL**

12.1 Pengarah Pertandingan, Delegat Teknikal, Ketua Pertandingan, Dewan Wasit/Juri, Dewan Juri dan Wasit/Juri akan dilantik oleh Persekutuan Silat Kebangsaan Negeri Sabah (PESAKA SABAH) yang akan berhubung terus dengan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025.

12.1.1 Segala tanggungan adalah dibawah pengurusan Jawatankuasa Pengelola.

12.2 Setiap pertandingan dikendalikan oleh pegawai-pegawai yang diiktiraf oleh PESAKA.

12.3 Semua keputusan yang dibuat oleh Pengadil-pengadil adalah muktamad.

12.4 Sistem pemarkahan digital akan digunakan.

## **13.0 BANTAHAN/TATATERTIB**

13.1 Semua pasukan boleh membuat bantahan. Hanya Pengurus Pasukan sahaja dibenarkan membuat bantahan. Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dengan disertakan Wang Pertaruhan sebanyak **RM200.00** tunai. Rujuk kepada Peraturan Am perkara 16.1 dan perkara 16.2.

13.2 Bantahan boleh dibuat dan akan diproses merujuk kepada Artikel 13 berkaitan Protes dalam undang-undang dan Peraturan Pertandingan Silat yang dikeluarkan oleh **Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (PERSILAT) Tahun 2023 Versi (7) Oktober 2023** dan pindaan yang diluluskan oleh **Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA)**.

13.3 Keputusan Ketua Pertandingan dan Dewan Wasit Juri adalah muktamad.

#### 14.0 GANTIRUGI

- 14.1 Kementerian Belia dan Sukan Sabah, Majlis Sukan Negeri Sabah, Lembaga Sukan Negeri Sabah, Jawatankuasa Pengelola dan Persekutuan Silat Kebangsaan Negeri Sabah (PESAKA SABAH) tidak bertanggungjawab atas sebarang kemalangan atau kecelakaan yang mungkin berlaku ke atas mana-mana peserta atau pegawai-pegawai di sepanjang berlangsungnya Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025 ini atau dalam perjalanan pergi dan balik dari rumah/pusat kontinjen dan ke tempat pertandingan.

#### 15.0 PENANGGUHAN

- 15.1 Tarikh, tempat dan masa pertandingan yang telah ditetapkan oleh Urusetia Kejuaraan Silat Olahraga Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025 adalah sama sekali tidak boleh ditangguh atau diubah.
- 15.2 Jawatankuasa Pengelola mempunyai kuasa untuk menangguh atau mengubah sesuatu pertandingan dengan terlebih dahulu diberitahu kepada Pengurus-pengurus Pasukan.

#### 16.0 PENGGUNAAN MUZIK IRINGAN

- 16.1 Setiap muzik silat hanya dibenarkan untuk Kategori Solo Kreatif sahaja. Penyediaan muzik silat *LIVE* adalah tertakluk kepada pilihan yang ditetapkan oleh Pihak Penganjur sahaja yang akan digunapakai. Penggunaan muzik rakaman dibenarkan.
- 16.2 Jika kontinjen yang menggunakan *live* muzik, pegawai muzik adalah ditanggung oleh kontinjen masing-masing. Muzik adalah tidak akan dinilai dalam pertandingan.

#### 17.0 HADIAH-HADIAH

- 17.1 Pingat-pingat akan dihadiahkan seperti berikut:

##### 17.1.1 Kategori Putera:

Bil	Silat Olahraga		Emas	Perak	Gangsa
<b>1.</b>	<b>Kelas Bawah 45kg</b>		<b>1</b>	<b>1</b>	<b>2</b>
2.	Kelas 'A'	45 kg - 50 kg	1	1	2
3.	Kelas 'B'	50 kg - 55 kg	1	1	2
4.	Kelas 'C'	55 kg - 60 kg	1	1	2
5.	Kelas 'D'	60 kg - 65 kg	1	1	2
6.	Kelas 'E'	65 kg - 70 kg	1	1	2
7.	Kelas 'F'	70 kg - 75 kg	1	1	2
8.	Kelas 'G'	75 kg - 80 kg	1	1	2
9.	Kelas 'H'	80 kg - 85 kg	1	1	2
10.	Kelas 'I'	85 kg - 90 kg	1	1	2
11.	Kelas 'J'	90 kg - 95 kg	1	1	2
<b>12</b>	<b>Kelas Bebas</b>	<b>95kg - 110 kg</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>2</b>
	<b>1</b>				
	<b>Silat Seni</b>				
13.	Solo (Bebas)		1	1	2
14.	Solo (Jurus Tunggal Baku)		1	1	2
15.	Tempur (Ganda)		1(2)	1(2)	2(4)
16.	Jurus Wajib (Regu)		1(3)	1(3)	2(6)
	<b>Jumlah</b>		<b>16(19)</b>	<b>16(19)</b>	<b>32(36)</b>

## 17.1.2 Kategori Puteri:

Bil	Silat Olahraga		Emas	Perak	Gangsa
<b>1.</b>	<b>Kelas Bawah 45kg</b>		<b>1</b>	<b>1</b>	<b>2</b>
2.	Kelas 'A'	45 kg – 50 kg	1	1	2
3.	Kelas 'B'	50 kg – 55 kg	1	1	2
4.	Kelas 'C'	55 kg – 60 kg	1	1	2
5.	Kelas 'D'	60 kg – 65 kg	1	1	2
6.	Kelas 'E'	65 kg – 70 kg	1	1	2
	<b>Silat Seni</b>				
7.	Solo (Bebas)		1	1	2
8.	Solo (Jurus Tunggal Baku)		1	1	2
9.	Tempur (Ganda)		1(2)	1(2)	2(4)
10.	Jurus Wajib (Regu)		1(3)	1(3)	2(6)
	<b>Jumlah</b>		<b>10(13)</b>	<b>10(13)</b>	<b>20(26)</b>

17.2 Pemberian pingat-pingat kemenangan adalah tertakluk kepada **Peraturan Tetap Perkara 14.3.**